

GARIS PANDUAN  
PEMBIAYAAN PENERBITAN  
ARTIKEL DI JURNAL  
BERINDEKS WOS, SCOPUS  
DAN QS RANKING JURNAL  
BAGI TAHUN 2024

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

# Objektif Inisiatif

Inisiatif pembiayaan ini adalah untuk mendokong hasrat GRU 2025 serta membantu fakulti mencapai sasaran penerbitan dan sitasi. Ini adalah penting kerana kekurangan komponen QS by Subject Ranking fakulti ialah di bahagian sitasi.


Inisiatif ini memberi tumpuan kepada penerbitan artikel di jurnal yang mempunyai 2 indeks sekaligus (WOS dan Scopus) serta diterbitkan di QS ranking jurnal oleh penerbit bereputasi, mempunyai liputan yang meluas dan boleh dipercayai.

Inisiatif ini juga bertujuan meningkatkan ketampakan output penyelidikan melalui kolaborasi penyelidik FPP dan penyelidik luar bagi mencapai Indeks Prestasi Utama (KPI) penyelidikan pensyarah, sasaran BTU 2022/2023 dan seterusnya, membantu fakulti mempertingkatkan skor MyRA dan SETARA.

# Syarat-Syarat Permohonan

1. Pemohon adalah warga Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), UiTM Puncak Alam.
2. Pemohon adalah penulis koresponden (*corresponding author*) bagi artikel yang diterbitkan.
3. Pemohon tidak terbabit dengan tindakan tatatertib.
4. Pemohon perlu mempunyai akaun Google Scholar, Scopus dan WoS.
5. Artikel hanya boleh diterbitkan di jurnal berindeks WoS (JCR Q1 atau Q2) **DAN** Scopus **DAN** jurnal tersenarai di QS ranking jurnal. Senarai QS ranking jurnal boleh disemak di pautan berikut: <https://docs.google.com/spreadsheets/d/1o6WK-wD87G27cIBkv1xWdZx5nTY6Tie/edit?usp=sharing&ouid=105892937085002487611&rtpof=true&sd=true>
6. Menjadi tanggung jawab staf untuk memastikan jurnal adalah berindeks WoS (JCR Q1 atau Q2) **DAN** Scopus serta berada di senarai QS ranking jurnal sebelum menghantar dan menerbitkan artikel di jurnal tersebut. Jika PRIME tidak mengesahkan penerbitan tersebut sebagai WoS (JCR Q1 atau Q2) **DAN** Scopus, artikel tidak akan dibiayai.
7. Artikel yang diterbitkan perlulah mempunyai sekurang-kurangnya 1 penulis bersama (*co-author*) dari industri, universiti tempatan atau universiti luar negara.
8. Artikel mestilah tidak dibiayai oleh mana-mana geran atau dana UiTM (maklumat pembiayaan geran akan dikongsikan dengan Unit Etika Penerbitan UiTM agar tiada isu penyalahgunaan dana bagi proses tuntutan berganda).
9. Seseorang staf hanya boleh dibiayai sekali sahaja menerusi permohonan inisiatif ini.
10. Staf perlu memohon insentif di bawah RMC (PYPA) atau UCS terlebih dahulu sebelum memohon inisiatif ini. Jika tidak berjaya, barulah boleh memohon insentif WOS, Scopus dan JCR Q1/Q2 FBM ini (bukti mesti disertakan seperti balasan emel dll).
11. Tajuk artikel tidak boleh sama dengan tajuk geran penyelidikan yang aktif. Melainkan jika dana geran penyelidikan tersebut telah habis digunakan dan KPI penerbitan telah dicapai (permohonan pembiayaan dari fakulti untuk membiayai penerbitan tambahan boleh dipertimbangkan).
12. Jumlah pembiayaan yang dimohon tidak melebihi dari **RM5,000**.
13. Pembayaran akan dibuat setelah artikel dimuatnaik dan disahkan di PRIME sebagai penerbitan berindeks. Pembayaran akan dibuat kepada pemohon berdasarkan **konsep bayar dahulu dan tuntutan kemudian**.
14. Keputusan fakulti adalah muktamad.

# Carta Alir Permohonan



CARTA ALIR	TINDAKAN
Pensyarah menerbitkan artikel di jurnal berindeks WOS dan Scopus	Pensyarah (Pemohon)
Pensyarah menyemak syarat-syarat permohonan pembiayaan penerbitan	Pensyarah (Pemohon)
Pensyarah mengisi borang permohonan pembiayaan penerbitan	Pensyarah (Pemohon)
Pensyarah menghantar borang permohonan kepada Koordinator Penyelidikan (KP) – <i>hard copy</i> dan <i>soft copy</i>	Pensyarah (Pemohon)
KP akan menyemak dan memastikan permohonan memenuhi syarat-syarat ditetapkan	KP
Borang permohonan dihantar kepada Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) -TD P&I	TD P&I
Borang permohonan akan dinilai oleh TD P&I	TD P&I
TD P&I akan menghantar hasil penilaian kepada KP.	TD P&I
Pemakluman keputusan penilaian TD P&I	TD P&I
Pemakluman senarai permohonan oleh KP di mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF)	KP



**TERIMA KASIH**